

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan mengapa *Environmental Impact Assessment* (EIA) kilang kertas milik Nine Dragons Paper di Bentong boleh diluluskan memandangkan ianya terletak di kawasan tadahan air yang merupakan sumber untuk 2 juta liter air mentah sehari ke loji rawatan air Langat 2 di Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment* - EIA) merupakan kajian yang memberikan maklumat berhubung dengan kualiti alam sekeliling, impak-impak yang mungkin boleh berlaku akibat cadangan pembangunan dan juga cadangan langkah mitigasi yang akan dilaksanakan.
2. Kilang kertas milik Nine Dragons Paper terletak di Lot 1, Kawasan Perindustrian Bentong IIB, Mukim Sabai, 28600 Karak, Pahang dan merupakan penaiktarafan dan menyusun semula (*revamping*) komponen kilang dalam premis sediaada.
3. Laporan EIA bagi cadangan projek "*Proposed Increase Of Production Capacity For Existing Recycled Paper Mill On Lot 1, Kawasan Perindustrian Bentong IIB, Mukim Sabai, 28600 Karak, Pahang, Malaysia*" telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal EIA yang turut dihadiri oleh agensi-agensi teknikal berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pahang, Badan Kawal Selia Air Negeri Pahang, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
4. Laporan EIA ini **diluluskan** di bawah Seksyen 34A(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) berdasarkan:
 - (i) telah memenuhi bagi keperluan Seksyen 34(A)4(a) AKAS 1974 iaitu keselarasan pembangunan dengan gunatanah sedia ada. Tapak cadangan projek terletak di Blok Perancangan Kecil (BPK) 2.2: Sg Dua – Jambu Rias. Kawasan Perindustrian Bentong IIB di zonkan sebagai kawasan industri; dan

- (ii) telah memenuhi kehendak-kehendak Seksyen 34A(2C) AKAS 1974 iaitu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan mengandungi penilaian mengenai kesan aktiviti yang dijangkakan dan menyatakan langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan.

5. Di dalam Laporan EIA ada dimaklumkan bahawa terdapat Loji Rawatan Air Karak 2 (14.7 km) yang dalam proses pembinaan yang terletak di hilir tapak cadangan projek. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemodelan kualiti air yang dijalankan pada dua keadaan iaitu semasa aliran air sungai biasa dan keadaan air sungai cetek (musim kemarau) menunjukkan bahawa pelepasan efluen daripada kilang tidak memberi perubahan yang signifikan terhadap kualiti air Sg Bentong serta tidak memberi kesan terhadap Loji Air Karak Fasa 2.

6. Semasa peringkat operasi, sistem pengolahan efluen perindustrian akan dinaiktaraf dengan kapasiti rekabentuk 4,000m³ sehari dengan tambahan teknologi *up-flow multistage anaerobic reactor (UMAR)*. Kebanyakan efluen yang dirawat (~3,200m³ sehari) akan digunakan semula dalam pemprosesan.

7. Pelepasan efluen daripada sistem pengolahan efluen perindustrian hendaklah mematuhi **Standard A, Jadual Kelima (Peraturan 11) dan Jadual Ketujuh (Peraturan 12)** di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 sebelum dilepaskan ke Sungai Bentong.

8. Untuk makluman, keputusan bagi kelulusan membina dan operasi kilang yang dimaksudkan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Yang Meluluskan (PBM) iaitu Majlis Perbandaran Bentong selaras dengan dasar dan polisi yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.